

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

KEPERLUAN LATIHAN DI KALANGAN GURU-GURU SEJARAH DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH PERAK TENGAH

ANUAR BIN PUTEH HARUN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti keperluan latihan di kalangan guru-guru di Perak Tengah yang mencakupi empat aspek keperluan latihan iaitu pengetahuan, strategi dan kaedah pengajaran, kemahiran berasaskan sekolah dan kemahiran pengurusan dan organisasi, guru-guru sekolah menengah. Kajian dijalankan dengan menggunakan Kaedah Tinjauan. Kajian ini merupakan kajian populasi yang mengambil kira keseluruhan guru-guru Sejarah di Perak Tengah iaitu 65 orang guru di 14 buah sekolah. Untuk mendapatkan data, set soal selidik *The Leader Behavior Description Questionnaire (LBDQ)* digunakan. Data dianalisis dengan menggunakan dua kaedah. 1) Analisis deskriptif 2) Analisis Inferential. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan maklumat yang berkait dengan biodata melalui pendekatan peratusan. Manakala Min dan Sisihan Piawai digunakan untuk meneliti skor setiap item dalam soal selidik. Statistik Inferential digunakan untuk mendapatkan maklumat seperti Ujian T dan ANOVA yang diaplikasikan untuk pengujian perbezaan, untuk melihat perbezaan di antara keperluan latihan dengan status jantina, taraf perkahwinan, umur, pengalaman, kelulusan akademik dan berdasarkan empat kategori keperluan latihan iaitu pengetahuan, strategi dan kaedah pengajaran, kemahiran berasaskan sekolah dan kemahiran pengurusan dan organisasi, guru-guru sekolah menengah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa (a) Kemahiran pengurusan dan organisasi menunjukkan keperluan latihan yang paling diutamakan dan ini diikuti oleh kemahiran berasaskan sekolah, strategi dan kaedah pengajaran dan pengetahuan (b) Faktor demografi seperti status jantina, umur, tempoh perkhidmatan, taraf perkahwinan, dan kelulusan akademik tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan keperluan latihan. Sehubungan itu beberapa cadangan dikemukakan terhadap badan-badan yang terlibat dengan latihan dan kemahiran guru-guru seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, dan Institut Aminudin Baki dan Maktab Perguruan.

Abstract

This research is undertaken to identify four aspects of training among secondary school teachers in the district of Perak Tengah. The Training needs are knowledge, teaching strategies and methodology, school-based skills as well as management and organization skills. The research uses the survey method involving a population of 65 teachers teaching History in 14 secondary schools in Perak Tengah. *The Leader Behavior Description Questionnaire (LBDQ)* was used to gather data. Both Descriptive and Inferential Analyses were used to interpret the data collected. Descriptive analysis using percentile was used to describe biodata of the samples. Mean and standard Deviation were employed to describe the score of each item in the questionnaire. Inferential Statistical Analyses such as T-Test and ANOVA were used to test differences between training needs and sex, marital status, age, teaching experiences, academic qualifications based on the four categories of training needs, namely knowledge, teaching strategies and methodology, school-based skills as well as management and organization skills. The results of the study show that a) management and organisation skills were the highest training need of the teacher followed by school based skills, strategies and methodology of teaching as well as knowledge; b) Demographic factors such as sex, age, teaching experiences, marital status and academic qualifications did not show any significant differences with training need. Several proposals regarding training needs of the teachers were forwarded to the Ministry of Education Department, District Education Office, Institut Aminuddin Baki and Teacher Training Colleges.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat	
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB 1 / PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Umum	6
1.4 Objektif Khusus	7
1.5 Persoalan kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9

1.8 Definisi Operasional	11
1.8.1 Guru Sejarah	11
1.8.2 Kecekapan	11
1.8.3 Latihan	12
1.9 Hipotesis Kajian	15
1.10 Keperluan Latihan	16
1.8.5 Keberkesanan Latihan	19
 BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Kajian-Kajian Luar Negara yang Berkaitan Dengan Keperluan Latihan	25
2.3 Kajian-Kajian Dalam Negeri Yang Berkaitan Keprluan Latihan	36
2.4 Kesimpulan	42
 BAB 3 METODLOGI KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	43

3.2 Reka Bentuk Kajian	44
3.3 Data Penyelidikan	45
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	46
3.5 Instrumen Kajian	48
3.6 Kaedah Pengutipan Data	53
3.7 Analisis Data	54
3.8 Kajian Rintis	54
3.9 Kesimpulan	55
BAB 4 HASIL KAJIAN	
4.1 Pendahuluan	56
4.2 Latar Belakang Responden	56
4.2.1 Jantina	57
4.2.2 Umur	57
4.2.3 Bangsa	58
4.2.4 Taraf Perkahwinan	59
4.2.5 Kelayakan Akademik	60
4.2.6 Pengalaman Kerja	60
4.2.7 Agama	61

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.2.8 Pengkhususan	62	
4.2.9 Pengajaran Sejarah	62	
4.2.10 Ikhtisas	63	
4.3 Keperluan latihan guru-guru Sejarah berdasarkan Kategori.	64	
4.4 Analisis Keperluan Latihan terhadap Pengetahuan Guru-Guru Sejarah Daerah Perak Tengah	66	
4.4.1 Pengetahuan	66	
4.4.2 Strategi dan Kaedah Pengajaran	67	
4.4.3 Kemahiran Berasaskan Kelas	69	
4.4.4 Kemahiran Pengurusan Organisasi	71	
4.5 Hasil Pengujian Hipotesis	73	
4.5.1 Pengujian Hipotesis Pertama	73	
4.5.2 Pengujian Hipotesis Kedua	74	
4.5.3 Pengujian Hipotesis Ketiga	75	
4.5.4 Pengujian Hipotesis Keempat	77	
4.5.5 Pengujian Hipotesis Kelima	78	
4.5.6 Pengujian Hipotesis Keenam	80	

BAB 5 ULASAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	82
5.2 Keperluan Latihan Terhadap Kemahiran Pengurusan Organisasi	82
5.3 Keperluan Latihan Terhadap Kemahiran Berasaskan Kelas	83
5.4 Keperluan Latihan terhadap Kaedah dan Strategi Pengajaran	84
5.5 Keperluan Latihan Terhadap Pengetahuan	85
5.6 Objektif Dan Persoalan Kajian	86
5.6.1 Perbezaan Keperluan latihan mengikut Status jantina	86
5.6.2 Perbezaan terhadap Keperluan Latihan mengikut taraf perkahwinan	87
5.6.3 Perbezaan Keperluan mengikut Umur	88
5.6.4 Perbezaan Keperluan Latihan mengikut Pengalaman	89
5.6.5 Perbezaan Keperluan Latihan Mengikut Kelulusan	89
5.6.6 Perbezaan Keperluan latihan mengikut Kelulusan	90

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
5.7 Cadangan	91	
5.8 Kesimpulan	94	
BIBLIOGRAFI	96	
LAMPIRAN 1		
LAMPIRAN 2		
LAMPIRAN 3		

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka surat
3.1	Taburan Persampelan dan Populasi	46
3.2	Struktur Item Soalan	53
3.3	Keputusan Ujian Rintis Kebolehpercayaan	55
4.1	Jantina Responden	57
4.2	Umur Responden	58
4.3	Bangsa Responden	59
4.4	Taraf Perkahwinan Responden	60
4.5	Kelayakan Akademik Responden	60
4.6	Pengalaman Kerja Responden	61
4.7	Agama Responden	61
4.8	Pengkhususan Responden	62
4.9	Pengajaran Sejarah Responden	63
4.10	Kelulusan Ikhtisas Responden	64
4.11	Min Keperluan Latihan di Kalangan Guru Sejarah	65
4.12	Min dan Sisihan Piawai Keperluan Latihan Terhadap Pengetahuan Mata Pelajaran Sejarah	66
4.13	Min dan Sisihan Piawai Terhadap Strategi Dan	

	Kaedah Pengajaran Sejarah	66
4.14	Min Terhadap Kemahiran Berasaskan Sekolah	71
4.15	Min Terhadap Kemahiran Pengurusan Dan Organisasi	73
4.16	Perbezaan Keperluan latihan antara guru lelaki dan perempuan	74
4.17	Ujian ANOVA terhadap Perbezaan Keperluan Latihan Berdasarkan Taraf Perkahwinan	74
4.18	Ujian ANOVA bagi keperluan Latihan Berdasarkan Umur	75
4.19	Ujian ANOVA bagi keperluan latihan berdasarkan pengalaman	77
4.20	Ujian ANOVA bagi keperluan latihan berdasarkan keperluan latihan guru-guru menengah atas, bawah dan kedua-duanya sekali	78
4.21	Ujian ANOVA keperluan Latihan berdasarkan kelulusan Akademik	80

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka surat
1.1	Kerangka Kajian Keperluan Latihan Sejarah Keseluruhananya	13
1.2	Model Baru Pusingan Latihan Monthe Reeves	17
1.3	Model Keberkesanan Latihan Adams dan Battersby	20
1.4	Model Peristiwa Kritis	22

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan.

Keperluan latihan bagi mata pelajaran yang diajar seharusnya dikenalpasti bagi mempastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan optimum. Peranan pengetua sebagai pemimpin memanglah penting bagi mempengaruhi kakitangannya untuk memberi perkhidmatan yang maksimum yang akan menghasilkan sesuatu yang positif kepada organisasi dan ‘stakeholders’

Penghayatan terhadap mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah adalah penting kerana negara kita merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang harus faham memahami di antara satu sama lain. Oleh itu perpaduan dan sifat patriotik diperlukan bagi membina jatidiri sebagai rakyat Malaysia. Menurut Krug (1967), mata pelajaran sejarah amat penting sebagai asas mencapai dan memperkuatkan lagi perpaduan nasional, menanamkan rasa kecintaan terhadap negara dan semangat patriotik.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
matlamat utama mata pelajaran Sejarah adalah sebagai pendukung utama pemupukan semangat patriotik di kalangan murid, dan guru pula perlu memberi penekanan terhadap pemahaman dan penghayatan aspek sejarah negara. Diharapkan para pelajar dapat memperkasakan keperibadian bangsa Malaysia. Lewinstein (1963), mengatakan mengenai sumbangan yang penting daripada Sejarah ialah membangunkan semangat patriotism. Mengikut beliau, pengetahuan atau pemahaman terhadap sejarah boleh mempengaruhi sikap kesetiaan (loyalty) dan patriotism terhadap negara. Oleh itu, kepentingan mata pelajaran Sejarah adalah berdasarkan keperluan latihan di kalangan guru-guru Sejarah untuk merealisasikan aspirasi kerajaan seperti yang termaktub di Laporan Jawatan Kuasa Kabinet (1979).

Oleh itu peraturan dan tindakbalas daripada guru-guru Sejarah adalah penting bagi memastikan pelajar yang meninggalkan bangku sekolah akan ditanamkan semangat patriotik terutamanya bagi sebuah negara kita yang sedang berkembang maju yang memerlukan tenaga kerja yang dinamik yang cintakan negara. Mata pelajaran Sejarah adalah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan selama lima tahun di sekolah menengah. Kurikulum Sejarah pada peringkat sekolah Menengah Rendah (SMR) mestilah mempunyai kesinambungannya pada peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA).

Berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah Atas (2003), menyatakan Wawasan 2020 menyarankan Malaysia menjadi sebuah negara maju mengikut acuan kita sendiri.

OLEH ITU, RAKYAT MALAYSIA PERLU MEMPUNYAI PENGETAHUAN TENTANG DUNIA LUAR SUPAYA BERKEMAMPUAN UNTUK BERSAING DENGAN MEREKA. PERSAINGAN TIDAK DAPAT DIELAKKAN DALAM DUNIA GLOBALISASI KERANA KUASA POLITIK DAN EKONOMI DIKAWAL OLEH MASYARAKAT YANG BERILMU DAN BERMAKLUMAT.

Di samping itu, dengan mempelajari mata pelajaran Sejarah akan menyebabkan pelajar akan bersedia untuk merujuk dan melihat kerangka pensejarahan melalui perspektif negara kita bukan daripada pandangan pengkaji luar yang lebih bias terhadap pandangan pensejarahan Barat.

Guru Sejarah memerlukan latihan untuk mengajar pelajar untuk merealisasikan aspirasi kerajaan seperti kehendak Laporan Jawatan Kuasa Kabinet (1979). Walau bagaimana pun guru-guru Sejarah di kawasan luar bandar seperti Perak Tengah ia bukanlah perkara yang mudah berdasarkan beberapa kekangan. Kekangan tersebut adalah seperti mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang mengkaji perkara-perkara yang lalu tidak dapat menarik minat mereka mempelajarinya. Kebanyakan pelajar lebih menumpukan mata pelajaran yang lebih menjamin masa depan mereka, seperti Sains dan Matematik.

1.2 Penyataan Masalah.

Kajian ini bertitik tolak daripada masalah besar yang melibatkan keperluan latihan di kalangan guru-guru Sejarah dari perspektif yang diperlukan oleh mereka. Ia berfokus kepada tanggapan keperluan latihan mereka terhadap pengajaran secara berkesan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Menurut Laporan Penaziran Sekolah bagi matapelajaran Sejarah (2003), terdapat sekolah-sekolah yang tidak memikirkan atau merancang untuk melaksanakan program tahunan panitia berdasarkan masalah latihan terhadap guru-guru. Ada sekolah yang tidak merancang program - program perkembangan staf apabila terdapat guru yang bukan opsyen mengajar mata pelajaran ini. Guru-guru ini pula menghasilkan produk ramai murid yang gagal dalam mata pelajaran ini semasa peperiksaan sama ada di peringkat sekolah mahupun dalam peperiksaan awam (Laporan Penaziran Sekolah bagi mata pelajaran Sejarah, 2003). Hal ini dapat dilihat berdasarkan keputusan mata pelajaran Sejarah tahun 2003, Negeri Perak telah mendapat 91.2% pelajar yang lulus berbanding di peringkat nasional sebanyak 92.9% . Ini bermakna Negeri Perak mendapat pencapaian yang menurun dan mempunyai beza sebanyak -1.7 % daripada paras nasional Sumber daripada Pejabat Pendidikan Perak Tengah (2003). Keputusan SPM yang diperolehi bagi daerah Perak Tengah juga menunjukkan penurunan sebanyak -2.3% pada paras nasional.

Menurut Setiausaha Panitia Guru-guru Sejarah Daerah Perak Tengah, menyatakan bahawa mereka mempunyai pelbagai latar belakang pengkhususan.

Beberapa orang daripada mereka mendapat sijil latihan di maktab-maktab perguruan, kursus perguruan lepasan ijazah (KPLI) yang mana ijazah pengkhususan mereka di universiti bukan pengkhususan Sejarah, dan ada guru lepasan ijazah yang mengajar mata pelajaran Sejarah tetapi pengkhususan mereka di universiti bukan mata pelajaran sejarah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS Akhirnya ada guru yang terpaksa mengajar mata pelajaran Sejarah kerana kekurangan tenaga pengajar mata pelajaran ini (Laporan Keputusan PMR dan SPM 2003)

Melatih para guru sememangnya suatu perkara yang sukar sebab semua guru mempunyai keperluan latihan yang berbeza . Guru-guru yang mempunyai pengkhususan Sejarah dan yang tidak mempunyai pengkhususan Sejarah di Perak Tengah memerlukan latihan yang lebih terkini daripada sudut pengetahuan, daripada teknik pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknik yang terkini berdasarkan kaedah dan strategi yang terkini, kemahiran di dalam kelas, kemahiran organisasi dan pengurusan untuk memastikan pelajar minat terhadap mata pelajaran Sejarah. Ia mengambil kira mempertingkatkan profesionalisme guru-guru Sejarah di Daerah Perak Tengah yang pada dasarnya majoritinya populasi pelajarnya Melayu. (Laporan Keputusan PMR dan SPM 2003))

Menurut Laporan Prestasi SPM (2003), dengan membaiki kelemahan pelajar dan mempertingkatkan prestasi mereka haruslah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik . Umumnya kritikan-kritikan mengenai kelemahan tersebut telah dikaitkan dengan guru Sejarah itu sendiri. Brown (1980), dalam hal ini menyatakan bahawa, ia bukanlah kerana latihan yang tidak cekap tetapi bagaimana seseorang guru itu mengajar. Pendapat ini disokong oleh Steele (1976), yang menjelaskan pengajaran Sejarah yang berkesan bergantung kepada sikap dan pengetahuan guru itu sendiri.

Selain itu, faktor bilangan guru yang mempunyai opsyen mata pelajaran Sejarah yang berlebihan bagi sesebuah sekolah adalah merupakan suatu masalah. Guru-guru tersebut tidak diagihkan mengikut keperluan yang diperlukan oleh sekolah lain. Pengagihan guru mengikut kemahiran tidak seimbang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Mengikut Hussin Ahmad (1990), program latihan merupakan satu program yang diberi dari masa ke semasa bertujuan memberi semangat baru melalui kursus penyegaran dan juga kursus-kursus dalam perkhidmatan di institusi-institusi latihan bagi memperkenalkan mereka kepada kurikulum baru.

Laporan Mazlan (1999), menyatakan program latihan seringkali mengabaikan kehendak dan keperluan guru-guru. Program latihan adalah untuk memberi pendedahan kepada guru perlu dijalankan mengikut keperluan serta tahap kefahaman guru-guru. Program ini selalu diadakan atas arahan pihak atasan seperti Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Mohd Radzi Jabar (1995), menyatakan pengendalian program perkembangan staf perlu dipilih dan benar-benar faham mengenai objektif kursus program latihan yang dijalankan. Dapatan kajiannya menunjukkan fasilitator luar dijemput terdiri daripada Pegawai Pendidikan Daerah, Kakitangan Sumber Negeri, Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri. Sebanyak 80 % sekolah di Perak menggunakan perkhidmatan fasilitator luar di samping fasilitator dalaman. Kelemahannya di sini, fasilitator luar mungkin tidak mengetahui secara mendalam budaya sesebuah sekolah tersebut. Adalah lebih baik fasilitator dalaman lebih diberi peluang. Kebanyakan pengajar tidak mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman selaras dengan bidang penyampaiannya..

1.3 Objektif Umum.

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan latihan para guru Sejarah di Daerah Perak Tengah.

1.4 Objektif Khusus.

(a) 1.4.1 Menentukan keutamaan keperluan latihan yang diperlukan oleh guru

Sejarah.

1.4.2 Untuk menentukan perbezaan keperluan latihan mengikut faktor-faktor demografi.

1.4.3 Untuk menentukan kepentingan yang berbeza antara guru-guru Sejarah di dalam kelas yang berbeza bagi penerimaan keperluan latihan mereka.

1.5 Persoalan Kajian

Soalan-soalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:-

1. Apakah keperluan latihan yang utama bagi guru-guru Sejarah di Daerah Perak Tengah secara keseluruhannya?
2. Apakah perbezaan keperluan latihan guru-guru Sejarah di Daerah Perak Tengah?
3. Adakah terdapat perbezaan keperluan latihan guru-guru Sejarah yang mengajar Menengah Atas, Menengah Rendah atau kedua-duanya sekali?
4. Adakah terdapat perbezaan faktor demografi dengan keperluan latihan guru-guru Sejarah di daerah Perak Tengah?

1.6 Kepentingan kajian

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

Kajian ini bertujuan untuk melihat keadaan sebenar tanggapan keperluan latihan di kalangan guru Sejarah di Daerah Perak Tengah. Hasil penemuan kajian ini nanti memberikan impak dan faedah kepada pihak-pihak tertentu.

Kepada penyelidik sendiri, kajian ini dapat meningkatkan pemahaman beliau terhadap konsep sebenar keperluan latihan dan memperluaskan penggunaannya dalam proses pentadbiran dan pengurusan sekolah. Aspek yang berkaitan dengan keperluan latihan amat penting dan ini mampu menjadikan guru-guru lebih bertenaga melaksanakan pengajaran yang bermakna dan menyeronokkan, sistematik, tersusun, berkesinambungan dan merangsangkan. Pemahaman konsep keperluan latihan akan dapat meningkatkan pencapaian mutu kerja penyelidik di samping peningkatan pencapaian cemerlang pengajaran.

Kepada guru-guru di sekolah yang dikaji khasnya dan guru-guru lain amnya, kajian ini dapat memberikan kesedaran yang mendalam terhadap keperluan latihan bagi guru mata pelajaran Sejarah. Hasil penemuan ini diharapkan juga dapat memberi gambaran yang jelas terhadap kepentingan keperluan latihan yang dilaksanakan di dalam pengurusan di sekolah mahupun di institusi lain.

Kajian ini juga sama ada secara langsung atau tidak langsung dapat memberi pendedahan dan gambaran sebenar tentang keperluan latihan guru-guru.

Hasil yang bakal ditemui diharapkan dapat merangsang sektor berkenaan untuk merancang keperluan latihan dengan lebih sempurna. Program latihan yang dicadangkan haruslah dapat menggambarkan keperluan yang akan dihadapi.

Guru-guru yang berminat dan berkemahiran harus diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran melalui pelbagai bentuk latihan dan kursus. Idea dan ilmu baru yang diperolehi tentunya dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru meneroka kehendak dan cita rasa mereka yang lebih terdedah dengan pelbagai maklumat dan teknologi baru. Perubahan pendekatan, kaedah dan keperluan latihan perlu dilaksanakan demi memartabatkan dan melahirkan generasi yang cintakan ilmu khususnya bersesuaian dengan kehendak Falsafah Pendidikan. Oleh itu kajian ini diharapkan memberikan kesedaran tentang betapa pentingnya keperluan latihan.

1.7 Batasan kajian.

Kajian ini melibatkan sekolah-sekolah menengah daerah Perak Tengah. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengetahui keperluan latihan guru-guru bagi mata pelajaran Sejarah. Kajian ini melibatkan semua sekolah menengah kebangsaan di dalam pentadbiran Pegawai Pendidikan Daerah Perak Tengah iaitu sekolah menengah kebangsaan gred A dan sekolah menengah kebangsaan Gred B. Sekolah yang dikategorikan sekolah gred A adalah sekolah yang melebihi 1,500 orang pelajar . Manakala sekolah yang dikategorikan sekolah gred B ialah sekolah yang mempunyai pelajar kurang daripada 1,500 orang .

Guru-guru yang dikaji adalah guru-guru Sejarah, oleh itu hasil kajian akan diaplikasikan terhadap guru-guru Sejarah sahaja.

1.7.1 Tumpuan kajian ini hanya di Daerah Perak Tengah sahaja. Kajian ini tidak dapat digeneralisasikan di seluruh Negeri Perak. Namun begitu kajian ini hanya menumpukan kepada aspek keperluan latihan guru-guru Sejarah daripada sekolah menengah Daerah Perak Tengah yang berjumlah 65 orang sahaja.

1.7.2 Kajian ini memfokuskan keperluan latihan 65 orang guru Sejarah di daerah Perak Tengah berdasarkan empat kategori:-

- (i) Pengetahuan
 - (ii) Kaedah Pengajaran dan Strategi
 - (iii) Kemahiran berasaskan sekolah
 - (iv) Kemahiran organisasi dan pengurusan.

Pengukuran kajian ini adalah berdasarkan persepsi keperluan latihan yang diperlukan. Persepsi ini adalah sesuatu yang subjektif dan relatif terhadap tingkah laku manusia .

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Guru Sejarah- Guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah, samada mereka guru siswazah mahu pun bukan siswazah yang mendapat latihan dalam mata pelajaran tersebut atau pun tidak.

1.8.2 Kecekapan

Richards (1991), menyatakan metodologi di dalam pengajaran Sejarah adalah suatu prosedur dan aktiviti yang digunakan semasa mengajar berdasarkan sukatan dan isi pengajaran. Fokus kajian ini adalah berkemampuan untuk mengajar dan berpengetahuan dan organisasi atau mengurus pengetahuan.

Setiap guru mesti mempunyai asas kecekapan pedagogi di dalam pengajarannya Strevens (1980), seperti teori pengajaran Sejarah yang memerlukan pelbagai kecekapan dan teknik pengajaran. Mereka juga harus mengetahui kemahiran pedagogi terhadap empat komponen Thomas, (1987).

- i) pengurusan- iaitu pengurusan di dalam kelas. Ini termasuk menguruskan pelajar, bahan bantuan mengajar dan bahan audio-visual.
- ii) Komponen pengajaran- yang mempunyai hubungan terus dengan proses pedagogi. Contohnya, para guru mesti mampu menjalankan aktiviti kecekapan terhadap pengajaran.
- iii) Persediaan guru- iaitu persediaan program dan peralatan untuk mengubah situasi pengajaran berdasarkan sukatan pelajaran dan kurikulum.
- iv) Penilaian- menghubungkan diognastik terhadap masalah pengajaran dan menyelesaikan masalah tersebut

Fokus kajian terhadap kecekapan adalah bermaksud kecekapan guru Sejarah terhadap pengajaran dan pembelajaran.

1.8.3 Latihan.

Program latihan mempunyai pelbagai tujuan. Joyce (1980), menyatakan latihan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pendidik dalam pengajaran, juga memberi peluang kepada pendidik mempelajari kaedah baru dalam pengajaran mereka. Lawrence (1974) pula berpendapat latihan dapat menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran pendidik dan kakitangan serta meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Bagi kajian ini fokus kajian adalah terhadap keperluan latihan terhadap guru-guru Sejarah.

Latihan adalah berkaitan dengan peningkatan kemahiran individu. Kenneth N. Wexley (1994), berpendapat tujuan latihan adalah untuk meningkatkan kebolehan pekerja untuk menjalani kerja dengan cekap. A.L Ramaiah (1992), program latihan merupakan satu program atau kursus yang diadakan untuk meningkatkan profesionalisme dan keberkesanan serta kecekapan kakitangan yang memegang jawatan atau sedang berkhidmat.

Definisi latihan bagi kajian ini adalah bagaimana latihan itu dijana terhadap guru-guru Sejarah.